

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian yang bersifat terapan , iaitu menghubungkan rumus-rumus tatabahasa dengan pelaksanaan rumus-rumus tersebut dalam penulisan karya sastera. Tujuan utama kajian ini ialah meninjau penyimpangan bahasa dalam karya sastera (prosa) yang dipilih. Kajian ini melibatkan penyimpangan tatabahasa, morfologi, dan sintaksis. Kajian ini dilakukan terhadap dua buah novel pilihan karya Sasterawan Negara, iaitu *Tok Guru*, karya Shahnon Ahmad dan *Di Hadapan Pulau*, karya A. Samad Said. Kajian ini menggunakan kerangka Tatabahasa Transformasi-Generatif sebagai model analisis. Kajian dijalankan berdasarkan kajian kepustakaan dan analisis teks. Dapatkan analisis membuktikan bahawa sememangnya berlaku penyimpangan bahasa dalam karya sastera. Dalam *Di Hadapan Pulau*, dengan menggunakan sudut pandangan orang ketiga serba tahu, berlaku penyimpangan bahasa yang menyalahi peraturan. Begitu juga dalam *Tok Guru*, khususnya dengan menggunakan teknik aliran kesedaran (*stream of consciousness*), wujud penyimpangan bahasa. Walau bagaimanapun, penyimpangan bahasa dalam *Tok Guru* boleh dikatakan sebagai manipulasi penggunaan bahasa yang berpaksi pada konsep *poetic license*. Sebaliknya, dalam *Di Hadapan Pulau* berlaku penyimpangan bahasa tanpa sebarang tujuan atau maksud tertentu. Oleh itu, penyimpangan bahasa dalam *Di Hadapan Pulau* merupakan penyimpangan bahasa yang menyalahi nahu. Kesimpulan ini menunjukkan bahawa sememangnya berlaku penyimpangan bahasa dalam penulisan karya sastera walaupun dalam bentuk yang minimum.

ABSTRACT

This study is a study of applied linguistics, that is to relate grammatical rules with rules implemented in written literature. The main objective of this study is to ascertain language deviation based on the literary texts (prose) chosen. The study of language deviation is focussed on grammar deviation , morphology and syntax. This linguistic study is based on the novel by national laureate, Shahnon Ahmad's, *Tok Guru* and A. Samad Said's *Di Hadapan Pulau*. This study uses Transformational-Generative Grammar framework as model of analysis. The study is based on a library research and text analysis. The study proofs that language deviations exist in the written literature. In the novel *Di Hadapan Pulau* language deviation occurred through the use of third person point of view. However in *Tok Guru* which uses the stream of consciousness technique there is also language deviation. In other words, the language deviation in *Tok Guru* is considered as the manipulation of language through the concept of poetic license. Besides that, in *Di Hadapan Pulau* language deviation occurred without any specific reason. Thus, the language deviation in *Di Hadapan Pulau* is called language deviation that opposes the rules of grammar. In conclusion, the study reveals that language deviation in written literature do exist although at the minimum level.